

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 25/4/2016

Muka surat: m7

Tajuk : Didik pelajar penerapan gaya hidup sihat

# Didik pelajar penerapan gaya hidup sihat



**SEORANG** pelajar menjawab soalan yang diajukan oleh pencemarah.



**PELAJAR** menumpukan perhatian mendengar penerangan daripada penceramah

**KELAB** Pemadam Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Muara Tuang menganjurkan Program Sekolah Angkat: Gaya Hidup Sihat, Hidup Penuh Erti baru-baru ini.

Program ini diadakan di Dewan Sri Muara, SMK Muara Tuang melibatkan semua pelajar Tingkatan 3 dan 4.

Pengarah Program yang juga mahasiswa daripada Fakulti Sumber Sains dan Teknologi Unimas, Teh Zy Ying berkata, program itu dianjur untuk mendidik para pelajar di peringkat sekolah tentang penerapan konsep Gaya Hidup Sihat, Hidup Penuh Erti.

Menurutnya, melalui ceramah dan pameran, diharap dapat menggalakkan para

pelajar mengamalkan gaya hidup yang sihat dan menjauhi gejala sosial seperti merokok, gejala hidu gam, petrol atau bahan kimia (inhalant) dan penyalahgunaan dadah.

"Selain itu, penerapan gaya hidup sihat bukan setakat ditekankan kepada aspek bersukan semata-mata, tetapi menjurus kepada membawa para pelajar untuk menanam sifat rajin membaca serta meningkatkan pergaulan sosial yang positif," ujarnya.

Katanya, penerapan gaya hidup yang sihat diharap akan membawa para pelajar ke arah satu perspektif baharu dalam penghargaan kendiri, iaitu mendalami konsep Hidup Penuh Erti.

Turut serta dalam menjayakan program ini ialah wakil

daripada PEMADAM Negeri Sarawak yang merupakan pertubuhan sukarela untuk menolong mereka yang bermasalah berbangkit daripada penggunaan dadah.

Selain itu, Agensi Anti dadah Kebangsaan Negeri Sarawak

juga mengadakan pameran dan slot perkongsian bahaya dadah dengan para pelajar.

Pengetua SMK Muara Tuang, Wahap Wak dalam ucapan turut menyampaikan penghargaan kepada pihak Pemadam Unimas yang sudi

meluangkan masa menganjurkan ceramah dan pameran ini.

Beliau berharap para pelajar boleh menggunakan peluang ini untuk menambahkan pengetahuan tentang bahaya dadah dan menghindarkan diri daripada gejala buruk ini.



**WAKIL**  
daripada AJK  
PEMADAM  
Unimas.



**GURU** mendengar penerangan tentang pelbagai jenis dadah oleh wakil AADK Negeri.